



**MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU  
SERDANG, KEDAH DARUL AMAN**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada **anak Negeri Kedah Darul Aman** yang berumur tidak kurang dari 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

BIL	NAMA JAWATAN/ GRED	KEKOSONGAN / TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED (FT19)	1 (KONTRAK)	RM1,377.00	RM4,052.00	RM100.00

\* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan dan bantuan Sara Hidup.

**2. SYARAT  
LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia; dan
- b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
  - i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,377.00) atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,435.12) atau
  - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred FT19: RM1,493.24)

**3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**4. DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi. Keutamaan diberikan kepada yang berpengalaman di dalam pangkalan data sistem dan pengaturcaraan komputer.

**Cara memohon :**

- i. Pemohon hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Bandar Baharu yang boleh didapati di Kaunter Bahagian Perbendaharaan, Majlis Daerah Bandar Baharu dengan **bayaran proses RM 3.00** atau muat turun secara percuma melalui laman web rasmi Majlis Daerah Bandar Baharu mulai **21 OGOS 2024 (RABU)**
- ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan Salinan dokumen seperti berikut :
  - \* Dua (2) keping gambar berukuran passport
  - \* Kad pengenalan\ sijil kelahiran
  - \* Sijil-sijil persekolahan
  - \* Sijil Berhenti Sekolah
  - \* Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya perlu)  
(Salinan Sijil-Sijil perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A Gred 41 dan ke atas (kumpulan Pengurusan dan Profesional)/ Pengetua Sekolah Menengah/ Penghulu Mukim)
- iii. Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah AM Bab 'A' 21 dan pastikan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini disertakan bersama;
- iv. Borang permohonan jawatan seperti berikut akan ditolak :-
  - \* Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.
  - \* Borang permohonan tidak lengkap diisi oleh pemohon. Pemohon diminta mengisi dengan lengkap semua ruangan yang disediakan pada borang permohonan jawatan MDBB.
- v. Hanya calon-calon yang Berjaya dalam tapisan awal akan disenarai pendek untuk sesi ujian dan temuduga. **CALON YANG BERJAYA AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI E-MAIL, SURAT ATAU PANGGILAN TELEFON.**
- vi. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- vii. Iklan perjawatan ini boleh dirujuk dengan melayari laman web rasmi MDBB di <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-daerah-bandar-baharu/> sepanjang tempoh pengiklanan jawatan.

- viii. Borang permohonan yang lengkap diisi beserta salinan dokumen perlu dihantar menggunakan sampul surat berukuran saiz 22cm x 32cm. ke alamat :-

**TUAN YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU  
09800 SERDANG, KEDAH DARUL AMAN.  
(U.P : Bahagian Khidmat Pengurusan dan Korporat)**

- ix. Borang permohonan jawatan boleh diserahkan di Kaunter Bahagian Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Bandar Baharu.
- x. Nama jawatan dan gred yang dipohon hendaklah dinyatakan di kiri sebelah atas sampul surat permohonan.
- xi. Tarikh tutup permohonan : **12 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) JAM 3.30 PETANG.**